LAPORAN AKTIVITI SDG @FPI 2025











KONVENSYEN PENGAJIAN ISLAM INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) ANTARABANGSA 2025











Konvensyen Pengajian Islam Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Antarabangsa 2025 menghimpunkan lebih 4,000 ilmuwan, pemimpin akademik dan pelajar pengajian Islam sebagai platform strategik memperkukuh pengajian Islam selari dengan agenda Malaysia MADANI. Bertemakan "Pengajian Islam dan Peradaban Madani: Integrasi Ilmu dan Tindakan Sosial", konvensyen ini menegaskan peranan pengajian Islam bukan sekadar wacana akademik, tetapi pemangkin pembinaan peradaban berteraskan ilmu, adab dan tanggungjawab sosial. Pelaksanaan konvensyen ini menyokong SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) melalui pemerkasaan ilmu, inovasi pendidikan dan peningkatan akses pembelajaran digital, khususnya menerusi sumbangan Program SISWA bernilai RM1.08 juta yang membantu pelajar memerlukan di IPT. Pada masa yang sama, kerjasama strategik antara agensi kerajaan, IPT, JAKIM, MAIWP, Yayasan Taqwa dan lain-lain turut mencerminkan SDG 17 (Perkongsian untuk Matlamat) melalui kerjasama pelbagai pihak dalam memperkukuh ekosistem pendidikan Islam yang inklusif dan lestari.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

1 NO POVERTY | 4 QUALITY EDUCATION | 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES | 17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

BAKTI SISWA:OPKIM 2.0







Program Bakti Siswa: Pemindahan Ilmu dan Khidmat Komuniti di Kampung Selarong, Pengkalan Hulu, Perak merupakan inisiatif khidmat masyarakat yang dilaksanakan oleh ahli fakulti yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah bidang al-Quran dan al-Sunnah Universiti Kebangsaan Malaysia, selari dengan aspirasi Pusat Strategi UKM dalam memperkukuh pelaksanaan program berteraskan pendekatan Quadruple Helix melalui kerjasama strategik antara universiti, komuniti setempat, agensi kerajaan serta pihak industri dan pertubuhan bukan kerajaan. Program ini mengintegrasikan pembelajaran berasaskan khidmat (Service-Learning Malaysia-University for Society, SULAM) dengan pemindahan ilmu, bimbingan dan pemerkasaan komuniti berpaksikan nilai-nilai Islam, sekali gus menyumbang secara langsung kepada pencapaian SDG 1 (Tiada Kemiskinan) melalui sokongan kepada golongan asnaf dan komuniti berkeperluan, SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) melalui pemindahan ilmu dan pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat, SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan) melalui usaha meningkatkan kesejahteraan sosial dan kualiti kehidupan komuniti luar bandar, serta SDG 17 (Perkongsian untuk Matlamat) melalui penglibatan pelbagai pihak secara bersepadu dan berterusan.

GOTONG ROYONG PERDANA EKSA







Program Gotong Royong Perdana EKSA Fakulti Pengajian Islam yang membawa tema "Buang - Bersih - Bersusun" ini merupakan usaha kolektif pembersihan dan penambahbaikan persekitaran kerja di semua zon fakulti. Inisiatif ini mendokong SDG 12 (Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab) melalui pelaksanaan sistem pengurusan sisa yang efisien dan pengurangan lambakan barang terpakai, manakala semangat gotong-royong yang diterapkan pula menyumbang kepada SDG 11 (Bandar dan Masyarakat Mampan) dengan mewujudkan persekitaran komuniti kampus yang lebih bersih, selamat, dan lestari untuk didiami serta bekerja.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING

4 QUALITY EDUCATION

10 REDUCED INEQUALITIES

PROGRAM LATIHAN AMALI DAKWAH









Program "Latihan Amali Dakwah" di Kampung Orang Asli Pos Lemoi pada 22-26 Jun 2025 ini merupakan inisiatif integrasi kemasyarakatan oleh pelajar-pelajar Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan FPI yang menyantuni komuniti orang asli secara holistik merangkumi aspek kerohanian, kesihatan, dan kebudayaan. Pelaksanaan program ini menyumbang secara langsung kepada SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) menerusi modul pendidikan fardu ain, bengkel kemahiran, dan ceramah kesedaran, serta menyokong SDG 3 (Kesihatan Baik dan Kesejahteraan) melalui penganjuran aktiviti sukaneka, senamrobik, dan pemeriksaan kesihatan serta pergigian percuma. Selain itu, program ini turut mendokong aspirasi SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamaan) dengan usaha merapatkan jurang sosial melalui aktiviti ziarah keluarga angkat, santunan kasih, dan silang budaya yang memperkasakan integrasi sosial masyarakat Orang Asli.

PROGRAM "SENTUHAN KASIH: PRIHATIN GELANDANGAN"









Program "Sentuhan Kasih: Prihatin Gelandangan" anjuran Persatuan Pelajar FPI di sekitar Pasar Seni, Kuala Lumpur ini merupakan inisiatif kebajikan yang menyantuni golongan kurang bernasib baik melalui agihan keperluan asas. Usaha ini menyumbang kepada SDG 1 (Tiada Kemiskinan) dengan menyalurkan bantuan terus bagi meringankan beban golongan miskin di bandar, serta menyokong SDG 3 (Kesihatan Baik dan Kesejahteraan) menerusi penyediaan set kebersihan diri seperti sabun, berus gigi, dan tuala wanita bagi menjamin tahap kesihatan dan sanitasi diri komuniti gelandangan.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

4 QUALITY EDUCATION

17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

PERSIDANGAN KURSI SHEIKH OTHMAN SARAWAK





Persidangan Kursi Sheikh Othman Sarawak 2025 yang bertemakan "Menyemarak Ilmu: Membangun Dunia Kontemporari" ini merupakan suatu program anjuran bersama Majlis Islam Sarawak, Kursi Wakaf Sheikh Othman Sarawak dan Fakulti Pengajian Islam UKM, dengan kerjasama Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam. Penganjuran ini menyokong penuh SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) melalui perkongsian kepakaran rentas bidang merangkumi sains, teknologi dan warisan Islam, di samping memperkukuh SDG 17 (Kerjasama demi Matlamat) melalui kolaborasi erat antara institusi pendidikan dan badan kerajaan dalam membangunkan solusi untuk ummah.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

4 QUALITY EDUCATION

17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

KEMBARA SUNNAH INDONESIA







Program "Kembara Sunnah Indonesia: Seminar, Mobiliti & Kesukarelawanan" yang berlangsung di Surabaya ini merupakan inisiatif pengantarabangsaan yang menggabungkan elemen akademik dan khidmat sosial merentas sempadan. Pelaksanaan program ini menyokong SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) menerusi penganjuran seminar dan mobiliti pelajar yang memperluas akses kepada pembelajaran global serta pembangunan insaniah, di samping memenuhi aspirasi SDG 17 (Kerjasama demi Matlamat) melalui pembinaan jaringan kolaborasi dan perkongsian kepakaran antara institusi Malaysia dan Indonesia dalam menjayakan misi kesukarelawanan.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

BRISK WALK & KHIDMAT MASYARAKAT CSR







Program "Brisk Walk & Khidmat Masyarakat (CSR)" bertemakan "Langkah Cergas, Alam Lestari" di Denai Sungai Langat ini merupakan inisiatif proaktif yang menggabungkan aktiviti kecergasan fizikal serta tanggungjawab sosial terhadap persekitaran alam sekitar. Penganjuran program ini mendukung aspirasi SDG 3 (Kesihatan Baik dan Kesejahteraan) menerusi aktiviti senamrobik dan brisk walk yang mempromosikan gaya hidup aktif dalam kalangan warga fakulti, manakala usaha pembersihan kawasan sungai pula berkait rapat dengan SDG 11 (Bandar dan Masyarakat Mampan) bagi memastikan kawasan yang bersih, hijau, dan lestari untuk kesejahteraan bersama.